

► Dr Mohd Puad Bebit Seniman versatile memeriah pentas seni Sabah



CATATAN
KANVAS KOYAK


DR BAHARUDDIN
MOHD ARUS

SiFu Art Ums, atau nama penuhnya Mohammad Puad Bebit dilahirkan di Batu Pahat, Johor. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Tinggi Batu Pahat, Johor. Melanjutkan pelajaran ke Universiti Teknologi Mara dan bertugas sebagai pengarah seni dan reka bentuk di beberapa syarikat penerbitan dan pengiklanan di ibu negara Kuala Lumpur setelah tamat pengajian.

Berkhidmat sebagai seorang guru Seni Visual di Kota Kinabalu selepas menamatkan diploma perguruan di UiTM dan terus ditempatkan bertugas di beberapa buah sekolah di Sabah dan sebagai pensyarah Seni Visual di Institut Perguruan Kent Tuaran, Sabah.

Pada tahun 2002, beliau mula berkhidmat di Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan kemudian melanjutkan pengajian peringkat Sarjana dalam bidang *New Media*. Kini, beliau adalah pensyarah Teknologi Seni Visual di Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah setelah memiliki ijazah kedoktoran di dalam bidang teknologi seni.

Bergiat aktif dalam bidang seni lukis dan penulisan puisi, beliau telah menerbitkan buku *Himpunan Sajak SAJAK JENAKA*. Sebagai seorang seniman yang *versatile* beliau berkecimpung bukan sahaja dalam bidang seni visual bersama Persatuan Pelukis Sabah (PSVS) yang dipimpinnya sebagai naib presiden bahkan beliau juga



RUMAH Rungus Kota Marudu Campuran. 2017.

sangat aktif dalam bidang kesusasteraan dengan menjadi ahli jawatan kuasa tertinggi dalam persatuan Ikatan Penulis Sabah dan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENAMA).

Beliau juga minat dalam seni muzik dan seni suara sehinggakan menjadi teman pengiring kepada penyanyi dan kumpulan lagu puisi tanah air seperti Koprata setiap kali mereka berkunjung ke negeri Sabah membuat persembahan.

Beberapa kali penulis berpeluang menjadi teman beliau membuat persembahan dan mendeklamasi puisi di beberapa daerah pedalaman di negeri Sabah. Sebelum menjadi tenaga pengajar di UMS beliau juga pernah berlakon dalam beberapa buah filem iklan dan selalu menghiasi kaca televisyen dengan bacaan puisi Sanjen beliau.

Beliau sangat senang berdamai dengan para seniman serta penulis tempatan dan juga di peringkat negara seperti Prof Siti Zainon Ismail, Prof Muhammad Hj Salleh dan Allahyarham Khalid Salleh. Pergaulan beliau serta pembacaan yang luas dengan penyair berbagai aliran umpamanya W.S Rendra, Sutariji, Wiji Thukul, Usman Awang, Latiff Mohidin dan juga AGI atau Abdol Ghafar Ibrahim dimana puisi terkenal tanah air telah mewarnai citarasa serta aliran penulisan dan lukisan beliau.

Ilmu dan tunjuk ajar yang diterima dari tokoh besar seni lukis ketika

beliau belajar di UITM seperti Tan Tuck Kan, Raja Zahabuddin, Suleiman Esa dan Joseph Tan berjaya membentuk Dr Mohd Puad sebagai pelukis yang matang dan disegani di kalangan pelukis tempatan.

Salah satu kekuatan beliau adalah memperagakan karya yang menekankan kepada teknik *assemblage*, kolaj dan juga montaj sehinggakan kadangkala menunjukkan kesan karya arca timbul atau *relief sculpture*, satu penerokaan yang jarang dilakukan oleh pelukis muda tempatan.

Melalui kaedah dan teknik karya tersebut semasa zaman mudanya sebagai guru seni lukis telah berkali-kali memenangi hadiah utama dalam pertandingan KPTNS yang diadakan setiap tahun sejak tahun 1989 sehingga 2005.

Kekuatan garisan serta warna dalam karya grafik Mohd Puad atau lebih dikenali dalam kalangan sahabat seni sebagai Sifu Art mengambil akronim sifu seni telah berjaya melonjakkan minat kolektor tempatan dan luar negara memiliki karya beliau.

Di samping itu kekuatan seni visual dan puisi, seperti pelukis terkenal Latiff Mohiddin dan AGI, memberikan satu galakkan kepada beliau dengan mengambil iktibar dari kedua tokoh idola beliau dimana puisi berjaya membuka pintu pintu penerokaan yang lebih meluas dan mendalam apabila direalisasikan dalam bentuk visual.

Oleh sebab itu jika dihayati karya beliau




MOHD PUAD

sebagai contoh Perahu Kampung Maidan, Pitas, Di kaki Gunung Kinabalu dan Rumah Rungus umpamanya memperlihatkan kekuatan unsur garisan serta garapan warna yang berjaya menjelmakan bentuk yang memakau penglihatan khalayak kepada rangkaian jalinan yang berwarna warni seolah satu susunan kata kata puisi dalam rangkaian puisi Sanjen beliau.

Pemilihan subjek atau hal benda yang menekankan kepada landskap tempatan memperlihatkan minat dan sayang kepada khazanah tempatan. Oleh kerana memiliki pengetahuan seni cetakan Puad juga banyak merakamkan karya dengan teknik seakan cetakan di atas kanvas satu *brand* pengkaryaan yang menjadi identiti beliau.

Dalam bidang seni penulisan Sifu Art merupakan satu-satunya penyair dari Sabah yang mendokong Sajikan dengan serius sehingga ia berjaya



PERAHU Nelayan Kg.Maidan .Pitas. Campuran. 2017.

melahirkan himpunan puisi humor yang mempunyai identitinya yang tersendiri. Melahirkan humor melalui puisi, atau melahirkan puisi yang berunsur humor bukanlah sesuatu yang baru dalam penulisan kreatif.

Sajak yang menekankan kepada elemen parodi iaitu sejenis puisi humor yang terhasil dengan merubah kata-kata dalam puisi-puisi sudah bermula sejak zaman Greek purba lagi. Dalam kesusasteraan Greek purba, parodia merupakan sejenis puisi yang meniru gaya bertujuan menyindir seperti mana menurut pengkritik sastera moden ia juga berbentuk aliran *Appropriation* "a type of poem where one work imitates the style of another for humorous effect."

Menurut pengkritik sajak tempatan, elemen tersebut dapat dilihat dalam sajak sajak beliau seperti "Cakap Cukup Cepak" yang menggunakan rangkap puisi tradisional yang terkenal "Siakap senohong ..." sebagai rangkap pembuka, dan merubah bait akhirnya pada rangkap penutup sesungguhnya meminjam *style parody*; cuma empat rangkap yang menjadi badan sajak itu adalah karya asli beliau.

Begitu juga dalam puisi "Air Pasang Dalam" dan "Pat Pat Siku Lipat", beliau menggunakan teknik parody sekali lagi, tetapi kali ini elemen-elemen asal dari lagu kanak-kanak itu disebatkan dalam tubuh puisi itu sendiri.

Dalam puisi "Semalu Malunya" lagu kanak-kanak "Bang selebu" dipertahankan rangkap dan kandungannya, tetapi digunakan sebagai rangkap pengenalan untuk meminjam bukan sahaja kesan humornya tetapi juga maksud dan nada sindirannya.

Hal yang sama berlaku pada puisi "Sang Katak Dikatok Dikotak Katik". Justeru kesemua sajak SiFu Art memakai susunan kata yang beritma dan

berirama elemen aliterasi dan asonansi begitu kaya dipergunakan oleh beliau satu keunikan dalam menghasilkan karya karya sanjen beliau.

Semangat serta minat dalam berbagai aliran seni sepatutnya menjadi contoh kepada pelukis tempatan kerana kepelbagaian bidang seni sebenarnya memperkayakan karya seorang seniman yang dinamik seperti Dr. Mohd Puad.

Sebelum kami berpisah beliau memberikan kepada penulis sepotong ayat AlQuran yang menjadi ilham yang sangat berkesan kepada bakat serta kreativiti beliau.

"Dan tiadalah kehidupan dunia ini melainkan senda gurau dan main-main. Dan sesungguhnya akhirat itulah yang sebenarnya kehidupan, kalau mereka mengetahui." (QS Al-Ankabut ayat 64)

SUSU IBU SUSU LEMBU

Ibu pertiwi yang dirindu Bapa bicara tentang susu mencari susu tanpa ibu buat anak barang sesudu... sesudu susu puas dicari mencari hari terus berlari Ke hulu ke hilir tidak ditemui langkah kakinya berhenti memerhati susu ibu pertiwi dihisap lintah habis diperah dari gunung turun ke lurah di lembah airnya kontang susunya kecut dibalik kutang Ibu pertiwi tanahnya terbentang kini, rumputnya tinggal sejempit rumput diragut sang lembu Susu lembu yang mana satu diperah... keluar tidak menentu anak meminta disuap selalu sehingga anak tidak tahu yang mana susu ibu yang mana susu lembu...

Bapa terus mencari susu menyusur bukit, tidak

berbaju dalam baju dapatnya susu Susu di tangan hatinya gembira Ibu menyambut tangannya terbuka dibuka susu di depan mata ibu dan anak diam membisu bapa tersalah membawa susu tarikh luputnya sudah berlalu

Sifu Art 2012

KATA-KATA SANG KATAK

"Spesinya kan tolong menolong gejala ditanggung dapat dibendung" Kembali terpekik terlolong Dek gedek gedek ong-ong Dek gedek gedek ong-ong Dek gedek gedek ong-ong Biar hujan tanpa henti biar sedar segala penghuni ada penghuni seperti kerbau kerbau jantan berdegus berahi berahi berkubang di bendang rosak anak padi di londang padi terbang terbang tidak dibela harap pagar makan padi padi bunting salah siapa??

(Sifu Art.Tuaran. 2017)

PENULIS merupakan Pensyarah Seni Visual, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan di Universiti Malaysia Sabah (UMS).



KAKI Gunung Kinabalu. Media campuran. 2017.